

Malaysia  
giat cegah  
wabak virus  
influenza

Suraya Roslan  
surayaroslan@hmetro.com.my

Sungai Buloh

Biarpun negara bebas wabak virus influenza sejak 2007, namun usaha pencegahan masih giat dilaksanakan termasuk larangan kemasukan unggas dari Indonesia.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Datuk Dr Kamarudin Md Isa berkata, larangan itu dikuatkuasakan sehingga hari ini berikutan 11 daripada 33 daerah di Indonesia masih dibelunggu dengan penyakit selesema burung.

"Semalam (kelmarin) berlangsung Mesyuarat Jawatankuasa Virus Avian Influenza (HPAI) peringkat Asean ke-15 bagi membina

LATIHAN simulasi dilakukan kakitangan veterinar di Kampung Paya Jaras Hilir, Semalam.



RANGKUMAN

Terus larang  
unggas Indonesia

cangkan kaedah menangani wabak berkenaan di negara yang masih dibelunggu penyakit berjangkit ini.

"Berdasarkan perkongsian maklumat dengan wakil dari Indonesia mendapati

negara jiran itu masih dibelunggu dengan wabak berkenaan namun bertambah baik berikutan 33 daerah yang dijangkiti menurun kepada 11 daerah setakat ini," katanya dalam

sidang media selepas Latihan Simulasi Selesema Burung di Kampung Paya Jaras Hilir di sini, semalam.

Dr Kamarudin berkata, pihaknya cuba untuk me-

HARIAN METRO

ngurangkan risiko penularan wabak itu dari memasuki Malaysia dengan pengawasan di pintu sempadan negara terutama pelabuhan di Johor dan Klang.

"Kita sudah melaksanakan pengambilan sampel ternakan ayam sekitar pintu masuk negara bagi mengekang penularan virus influenza. "Setakat hari ini, sebanyak 20,000 sampel sudah diuji dan semuanya menunjukkan keputusan negatif virus itu," katanya.

Katanya, selain itu, pihaknya masih menguatkuasakan larangan membawa masuk unggas, telur dan produk berpotensi daripada Indonesia dengan tindakan pemusnahan jika dirampas.

Sementara itu, bagi menghadapi kemungkinan jangkitan selesema burung kembali pihaknya mengadakan latihan simulasi bagi menangani virus berkenaan di Kampung Paya Jaras Hilir iaitu kawasan yang dikenali pasti penularan virus berkenaan pada 2007.

FAKTA  
11 daripada 33 daerah di Indonesia masih dibelunggu penyakit selesema burung